

**Najib Dan Isteri Naik Bas Sepanjang Program Lawatan Di Perak
Bernama
24 September , 2011**

IPOH, 24 Sept (Bernama) -- Buat pertama kalinya dalam siri menjelajah ke seluruh negara, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta anggota rombongan dibawa menaiki bas menelusuri jalan raya di Perak menuju ke destinasi yang telah diatur dalam lawatan kerjanya itu.

"Dulu naik kereta kali ini kita naik bas jumpa rakyat, mesejnya nak rasa bagaimana tidak ada protokol antara pemimpin dan rakyat.

"Tak boleh pisah antara satu sama lain dan ini akan bawa pemimpin dekat dengan rakyat," katanya pada acara pertama lawatannya iaitu jamuan Aidilfitri bersama Perdana Menteri di Taman Soon Choon di sini.

Lawatan itu melibatkan perjalanan dari Ipoh sehingga ke Sungai Siput sejauh kira-kira 50 km di mana Perdana Menteri mendekati serta bermesra dengan rakyat berbilang kaum termasuk kaum Orang Asli di Lasah, Sungai Siput.

Berucap pada jamuan Aidilfitri itu, Najib mahu semua pemimpin Barisan Nasional (BN) menjelajah ke setiap pelusuk tanah air bagi mencari serta meraih sokongan baru terhadap BN sungguhpun parti telahpun mempunyai penyokong tegarnya sendiri.

"Kita tidak boleh beri perhatian kepada penyokong tegar kita sahaja," katanya sambil menambah bahawa sokongan terhadap parti tidak harus hanya di kalangan penyokong tegar seperti di dalam dewan (majlis) ini sahaja.

"Kita harus turun ke setiap ceruk pelosok negara dan setiap penjuru.. untuk meraih sokongan daripada mereka yang bakal menjadi penyokong kita," katanya di hadapan kira-kira 5,000 hadirin.

Najib yang juga Pengerusi BN berkata pendekatan itu sejajar dengan Model Baru Ekonomi yang antara prinsip utamanya ialah konsep keterangkuman atau inklusif dan keadilan sosial.

Katanya, melalui konsep inklusif itu, kerajaan tidak mahu ada masyarakat yang rasa terkeluar atau terpinggir mana kala keadilan sosial itu bermakna kerajaan mahu memastikan semua golongan yang miskin dan kurang berkemampuan diberi bantuan.

"Ini barulah kerajaan yang dahulukan rakyat," katanya berucap pada majlis yang dihadiri oleh kira-kira 5,000 tetamu terdiri daripada rakyat pelbagai kaum.

Najib berkata pendekatan turun padang dan tinjauan mesra yang beliau lakukan selama ini bertujuan untuk mendapat tahu masalah rakyat serta mencari jalan penyelesaiannya.

Mengenai sambutan yang diberikan penduduk, Najib berkata beliau terharu dengan sambutan yang diberikan dan harap ia satu mesej jelas dari masyarakat bahawa majoriti rakyat menyokong BN.

Sementara itu, Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata tetamu yang

menghadiri majlis itu bertuah kerana Perdana Menteri telah membawa bersamanya "Murtabak Pekan" iaitu murtabak yang terkenal di Pekan, Pahang untuk dinkmati bersama.

Turut hadir pada majlis itu ialah Anggota DUN Sungai Rapat Datuk Hamidah Osman yang juga Exco Kanan Kerajaan Negeri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615510>